

JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA
URUSETIA BAHAGIAN PERKASTAMAN
TINGKAT 2, KOMPLEKS KASTAM SEBERANG JAYA
SEBERANG PERAI TENGAH
13700 PULAU PINANG

Telefon: 04 - 382 2111 Emel: uruskastam@kastampg.gov.my
Fax: 04 - 382 2118 Laman web: www.kastampg.gov.my



Rujukan kami : KE.PB(39)001/01-833/D(15)
Rujukan tuan :
Tarikh : 2 Mei 2013



Pengurus,
SMA GLOBAL LOGISTICS (M) SDN BHD (576501-X)
Unit No. G-13, Tingkat Bawah,
Kompleks Bagan, Jalan Jetty Lama,
12200 Butterworth.

Agan Kod	: PF0495
Bon. No	: 10000217/13
Appl. No	: 13000095/13
Appr. No	: 130092

Tuan,

**KELULUSAN PEMBAHARUAN SEBAGAI AGEN PENGHANTARAN DI CAWANGAN
PULAU PINANG DI BAWAH SEKSYEN 90 AKTA KASTAM 1967**

Saya adalah merujuk kepada surat **Pengarah Kastam Negeri, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur** melalui nombor rujukan **KE.IA(08)001/01-044(33)** bertarikh **16 April 2013** mengenai perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa kelulusan ini tertakluk kepada syarat-syarat berikut:-
 - 2.1 Syarikat/perniagaan tuan dibenarkan mewakili pelanggan/prinsipal yang telah diluluskan oleh **Pengarah Kastam Negeri Pulau Pinang** ke atas pelepasan dagangan daripada kawalan kastam di negeri **Pulau Pinang** sahaja (tertakluk kepada pembuktian pendaftaran yang sah melalui Akta Pendaftaran Perniagaan 1956, Akta Syarikat 1965 atau lain-lain pendaftaran yang sah).
 - 2.2 Syarikat/perniagaan **tidak boleh ditukar nama, dijual, ditukar milik, disewa atau diserahkan kepada mana-mana pihak tanpa kebenaran Kastam**. Apa jua perubahan yang melibatkan pemilik pengurusan, kakitangan dan lain-lain perkara yang bersabit dengan Kastam hendaklah mendapat persetujuan **Pengarah Kastam Negeri, Pulau Pinang**.
 - 2.3 Kelulusan kakitangan berurusan dengan pihak kastam dan contoh tandatangan pegawai/kakitangan yang diberi kuasa oleh syarikat/perniagaan hanya dibenarkan oleh **Pengarah Kastam Negeri Pulau Pinang** selepas kelulusan asal diperolehi daripada **Pengarah Kastam Negeri, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur**.
 - 2.4 Kakitangan syarikat/perniagaan yang telah ditauliahkan untuk berurusan dengan pihak kastam hendaklah pada setiap masa memiliki dan memakai Pas Pengenalan Kastam yang sah.
 - 2.5 Syarikat/perniagaan tuan akan bertanggungjawab dari segi undang-undang ke atas segala perbuatan kakitangan tuan.



Certified to MS ISO 9001:2008
Cert. No. AR 4731



Certified to MS ISO 9001:2008
Cert. No. AR 5066



Certified to MS ISO 9001:2008
Cert. No. AR 5423



Certified to MS ISO 9001:2008
Cert. No. AR 5424

- 2.6 Peruntukan Akta Kastam 1967 dan apa-apa peraturan atau perintah yang dikuatkuasakan di bawah Akta tersebut, dan apa jua arahan yang dikeluarkan oleh pihak Kastam hendaklah dipatuhi dengan sewajarnya.
- 2.7 Agen Perkapalan / Penghantaran hendaklah membuat penjelasan / pembatalan ke atas 'Hanging Document' dalam tempoh 21 hari dari tarikh pendaftaran, jika tidak agen berkaitan akan di bltk dalam smk dan tidak dapat berurusan dengan Jabatan sehingga masalah diselesaikan dan atau jika perlu di kompaun dibawah seksyen 138 Akta Kastam 1967 mengikut 'Merit' setiap kes.
- 2.8 Semua syarikat agen yang diberikan kelulusan agen penghantaran hendaklah kemukan dokumen-dokumen sokongan, jika ada perubahan maklumat keatasnya sebelum ini dalam tempoh 21 hari dari tarikh perubahan maklumat. Kegagalan mengemukakan maklumat terkini boleh mengakibatkan penggantungan atau pembatalan kelulusan selaras dengan seksyen 90(4) Akta Kastam 1967.
- 2.9 Syarat-syarat di atas mungkin ditambah atau dipinda jika difikirkan perlu oleh Jabatan ini tanpa memberi apa-apa sebab.

3. Kebenaran ini tertakluk kepada kelulusan asal oleh **Pengarah Kastam Negeri, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur** sehingga **20 Jun 2015**.

Sekian, terima kasih.

"SATU MALAYSIA, RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

(HJ. MOHD YUSOF BIN ISMAIL)
Timbalan Pengarah Kastam Negeri,
Bahagian Perkastaman,
b.p Pengarah Kastam Negeri,
Pulau Pinang.


s.k :- PKPK I Import/Eksport, Bagan Dalam
PKPK I LTA Bayan Lepas, Pulau Pinang
PKPK II Import / Eksport, NBCT
PKPK II Caw.Penggudangan Seberang Perai
PKPK II Caw.Penggudangan Pulau Pinang
PKPK II Caw.ZPB Perai
PKPK II Caw ZPB Pulau Pinang



Certified to MS ISO 9001:2008
Cert. No. AR 4731



Certified to MS ISO 9001:2008
Cert. No. AR 5068



Certified to MS ISO 9001:2008
Cert. No. AR 5423



Certified to MS ISO 9001:2008
Cert. No. AR 5424